



Alkohol punca utama masalah kesihatan

NST 12.5.2013 7

KOTA KINABALU: Alkohol antara satu punca utama masalah kesihatan di seluruh dunia dan menyebabkan kematian satu daripada setiap 16 lelaki, kata Pengerusi Mercy Malaysia Cawangan Sabah Prof. Dr. Helen Lasimbang.

Beliau yang juga Pakar Runding Obstetrik & Ginekologi Sekolah Perubatan Universiti Malaysia Sabah (UMS) berkata, berdasarkan satu kajian UMS, menunjukkan bahawa kebanyakan orang Sabah yang mengambil minuman beralkohol mengambilnya dengan cara tidak sihat.

Katanya, ramai orang di negeri ini mengelakkan alkohol pada kebanyakan masa, tetapi meminumnya secara berlebihan pada hujung minggu atau musim perayaan.

“Sehubungan itu Kumpulan Tindakan Mengatasi Penggunaan Alkohol (IGAM) dengan kerjasama Unit Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) Jabatan Kesihatan Sabah melancarkan ‘toolkit’ untuk menangani masalah berkaitan alkohol.

“IGAM menjemput 11 orang wakil dari pelbagai komuniti di negeri ini untuk berkongsi idea dan memberikan pendedahan kepada mereka mengenai kaedah menangani masalah berkaitan alkohol dikalangan masyarakat Sabah.

“Saya berharap pemimpin masyarakat akar umbi dan kakitangan Klinik Kesihatan di kawasan masing-masing dapat memberi kerjasama untuk mengatasi masalah ini,” katanya kepada pemberita pada seminar Perkongsian dan Strategi Untuk Menangani Masalah Berkaitan Alkohol, di Zara’s Boutique Hotel, Harbour City, di sini, kelmarin.

Dr. Helen berkata, penggunaan, penyalahgunaan dan kebergantungan atau ketagihan alkohol boleh mendatangkan kesan mudarat kepada kesihatan termasuk boleh menyebabkan penyakit jantung dan kemalangan bagi mereka yang memandu ketika dalam keadaan mabuk.

Beliau turut memuji masyarakat tempatan dan pegawai Klinik Bundu Tuhan kerana bekerjasama mencari jalan untuk mengurangkan masalah berkaitan alkohol di kalangan masyarakat setempat.

“Jabatan Kesihatan Sabah juga telah memperkenalkan pelbagai program kesedaran dan intervensi kepada masyarakat bagi meningkatkan kesedaran kepada masyarakat mengenai kemudaratan alkohol,” katanya. **-OLEH MARRYAN RAZAN**